



KUNYIT sebagai Antikanser

Oleh NORFARIZAN HANOON NOOR AZMI dan
NURRAIHANA HAMZAH

KUNYIT merupakan rizom daripada pokok *Curcuma longa* L. Pokok ini ditemui di belukar dan semak samun. Kunyit berasal dari Asia Tenggara dan Asia Selatan, tetapi kini ditanam untuk tujuan komersial di India, China, Indonesia dan Indochina.

Kunyit digunakan dalam perubatan tradisional, pewarna makanan dan upacara keagamaan dan pemujaan sejak tahun 600 Sebelum Masihi. Dalam perubatan Melayu, kunyit digunakan untuk merawat darah tinggi, demam kuning, cirit-birit, meningkatkan selera makan, ubat sakit perut dan sembelit. Kajian saintifik membuktikan kunyit mempunyai sifat antibarah, antiradang dan dapat melindungi kesan biologi lain dalam manusia. Kesan ini disebabkan oleh sebatian kunyit, iaitu kurkumin yang telah dikaji secara meluas terhadap kesan antiradang, antioksidan, penyembuh luka dan antibarah.

Kurkumin merupakan pewarna jingga kekuningan semula jadi daripada rizom *Curcuma longa* Linn. Kurkumin merupakan sebatian polifenol. Kurkumin tidak larut di dalam air dan eter, tetapi

larut di dalam etanol, dimetilsulfoksida dan larutan organik lain. Kurkumin yang dikomersialkan terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu kurkumin (77 peratus), demetoksikurkumin (17 peratus) dan bisdemetoksikurkumin (tiga peratus).

Kajian Tonnesen, Masson dan Loftsson pada tahun 2002 bertajuk,

"*Studies of Curcumin and Curcuminoids XXVII. Cyclodextrin Complexation: Solubility, Chemical and Photochemical Stability*," menunjukkan apabila kurkumin membentuk kompleks dengan siklodokstrin, bahan ini dapat memperbaiki kelarutan dalam air dan kestabilan hidrolitik dan fotokimia sebatian itu.



Kunyit digunakan untuk merawat berbagai jenis penyakit sejak 600 tahun Sebelum Masihi.

DEWAN KOSMIK

MAJALAH SAINS DAN TEKNOLOGI



INOVASI JENTERA PENUAI KENAF

PERILAKU (11)	RM6.00
Temporari (11)	RM6.00
Iskandari (11)	RM6.00
Wakil (11)	RM6.00
Temporari (11)	RM6.00

FX 000 0900-0012
ISSN 2120-4570



9 770120 657134 02

<http://www.dbp.gov.my>

